

Malaysia kaji terima siaran Star TV

GEORGETOWN, Ahad – Malaysia akan menghantar pegawainya untuk mengkaji perjalanan dan operasi stesen televisyen Star TV milik Rupert Murdoch sebelum membuat keputusan sama ada membenarkan ia memancarkan siaran ke Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Murdoch datang bertemu dengan beliau di pejabatnya dua minggu lalu untuk memaklumkan hasratnya menayangkan beberapa program yang sudah diubah suai untuk negara ini.

Murdoch adalah pemilik Star TV yang berpangkalan di Hong Kong dengan menawarkan beberapa rangkaian mengenai berita, sukan dan hiburan.

Dr Mahathir berkata, Star TV berminat untuk memancarkan siaran melalui satelit ke negara ini dan memberi jaminan bahawa kerajaan boleh memilih rancangan yang sesuai untuk tontonan rakyat negara ini.

“Murdoch berminat

untuk memancarkan siaran ke Malaysia dengan rancangan khusus yang hanya sesuai untuk masyarakat negara ini. Bagaimanapun kerajaan akan mengkaji perkara itu sebelum membuat sebarang keputusan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar pada Dialog Pasifik, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar semalam yang menyebut pegawai Star TV sedang mengadakan perbincangan untuk memancarkan siarannya ke Malaysia.

Laporan itu yang memetik jurucakapnya sebagai berkata stesen itu memang berminat untuk memancarkan siarannya tetapi perlu menunggu masa yang sesuai kerana masih terdapat banyak jurang perbezaan, berhubung beberapa isu yang perlu diselesaikan.

Dr Mahathir juga berkata Murdoch memberi jaminan bahawa siarannya ke negara ini boleh dikawal.